



**MAJLIS DAERAH BERA
28200 BANDAR BERA
PAHANG DARUL MAKMUR**

**DOKUMEN SEBUT HARGA
NO.SEBUG HARGA : MDB/KEW/01/2018**

**TAJUK:
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN KATRIJ, TONER DAN
RIBON PENCETAK UNTUK MAJLIS DAERAH BERA
BAGI TAHUN 2019**

**TARIKH TUTUP:
13 DISEMBER 2018**

**URUS SETIA
JABATAN PERBENDAHARAAN
BAHAGIAN AKAUN
MAJLIS DAERAH BERA**

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA

Kepada :

Majlis Daerah Bera,
28200 Bandar Bera,
Pahang Darul Makmur.

Tuan,

NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA : MDB/KEW/01/2018

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN KATRIJ, TONER DAN RIBON PENCETAK UNTUK MAJLIS DAERAH BERA BAGI TAHUN 2019

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat _____
_____ mengambil bahagian dalam Sebut harga Membekal dan Menghantar Bekalan Katrij, Toner Dan Ribon Pencetak Untuk Majlis Daerah Bera Bagi Tahun 2019. Harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah (berjumlah **RM** _____)

2. Syarikat sebagai Penyebut Harga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat sebut harga dan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen sebut harga syarikat juga telah memahami bahawa Majlis Daerah Bera berhak menerima atau menolak tawaran ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.

3. Syarikat bersetuju bahawa harga sebut harga yang ditawarkan ini laku (*valid*) selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada sebut harga ini dan meminda harga.

4. Selanjutnya sekiranya sebut harga syarikat ini diterima, syarikat akan memberi cagaran keselamatan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh terima surat tawaran daripada Majlis Daerah Bera. Syarikat bersetuju harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran di atas pembekalan yang dibuat kepada Majlis Daerah Bera setelah pembekalan tersebut disahkan oleh unit yang bertanggungjawab di Majlis Daerah Bera.

5. Kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa dokumen sebut harga yang digunakan untuk sebut harga ini adalah yang sebenarnya dibeli oleh syarikat ini.

(Tandatangan orang yang diberi kuasa)

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat

ARAHAN PERBENDAHARAAN 170

LAMPIRAN Q

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini
 No. Sebutharga MDB/KEW/01/2018

(Kew 284-Pin 5/94)
 KERAJAAN MALAYSIA
 NEGERI PAHANG

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut harga

Kepada (Nama Syarikat) – Sila isi

Perlawanan sebut harga dikeluarkan oleh
 Jabatan (Alamat Lengkap):-

No.Telefon :

Majlis Daerah Bera
 28200 Bandar Bera
 Pahang Darul Makmur.
 No.Telefon : 09-2501700
 Tarikh:

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini

1.Sila beri Sebut harga bagi bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

- 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan seperti di lampiran.....
- 1.2 Tarikh penyerahan/ penyempurnaan dikehendaki Tidak melebihi 2 minggu selepas pesanan kerajaan dikeluarkan.
- 1.3 Arahan pengiriman Majlis Daerah Bera, 28200 Bandar Bera Pahang.
- 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga MDB/KEW/01/2018.
- 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengahari 13 Disember 2018.
- 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh : 30 November 2018

Tandatangan : 
 Nama Pegawai : Mohd Ali bin Mohd Amin
 Jawatan : Setiausaha

Bil	Perihal bekalan / perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Harga Keseluruhan (RM)	Tempoh Penyerahan /Penyempurnaan
	SILA RUJUK LAMPIRAN 'A'		

- i. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih, dan
- ii. Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan

Saya /kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan /perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat di atas.

Tandatangan :
 Penyebut Harga :
 Nama dan K/P :
 Alamat Syarikat :
 Tarikh :

JADUAL PENGHANTARAN BEKALAN

BIL.	JENIS PENCETAK	JENIS TONER/INK/RIBON (ORIGINAL)	JUMLAH SETAHUN (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
1.	CANON LBP2900	CANON PIXMA 303	10		
2.	CANON LBP 6000	CANON PIXMA 325	20		
3.	CANON LBP 3010	CANON PIXMA 312	5		
4.	CANON ix6560	CANON PIXMA 725PGBK CANON PIXMA 726 M CANON PIXMA 726 C CANON PIXMA 726 Y CANON PIXMA 726 BK CANON PIXMA 726 GY	30 15 15 15 10 10		
5.	CANON ix4000	CANON PIXMA 8C CANON PIXMA 8M CANON PIXMA 8Y CANON PIXMA 5 PGBK	1 1 1 1		
6.	CANON E510	CANON PIXMA PG88 CANON PIXMA CL98	80 80		
7.	CANON MP988	CANON PIXMA 820PGBK CANON PIXMA 821C CANON PIXMA 821M CANON PIXMA 821Y CANON PIXMA 821BK CANON PIXMA 821GY	1 1 1 1 1 1		

BIL.	JENIS PENCETAK	JENIS TONER/INK/RIBON (ORIGINAL)	JUMLAH SETAHUN (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
8.	CANON IP2770	CANON PIXMA 810XL CANON PIXMA 811XL	60 60		
9.	HP LASERJET P2055	HP LASERJET CE505A	3		
10.	HP – Designjet T1200	HP 72 (CD8895) Matte Black 69ml HP 72 (C9400A) Yellow 69ml HP 72 (C93975) Photo Black 40ml HP 72 (C94015) Gray 40ml HP 72 (C93995) Magenta 40ml HP 72 (C93985) Cyan 40ml	1 1 1 1 1 1		
11.	HP DESKJET 4535	HP 680 (BLACK) HP 680 (COLOUR)	120 120		
12.	HP LASER JET CP 1025	HP 126A CE310A HP 126A CE311A HP 126A CE312A HP 126A CE313A	1 1 1 1		
13.	HP 678	HP 678 (CZ107A) BLACK HP 678 (CZ108A) COLOUR	10 10		
14.	HP COLOUR LASERJET PRO MFP M176N	HP 130A (CF350A) - BK HP 130A (CF351A) - C HP 130A (CF352A) - Y HP 130A (CF353A) - M	15 15 15 15		

BIL.	JENIS PENCETAK	JENIS TONER/INK/RIBON (ORIGINAL)	JUMLAH SETAHUN (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
15.	HP LASERJET P2015	HP 53A	1		
16.	HP 7710	HP 932XL – BLACK HP 933XL - CYM - CN054AA - CN055AA - CN056AA - CN053AA	30 30 30 30		
17.	HP LASERJET PRO M12A/M12W	HP 79A	15		
18.	EPSON LQ- 2090 EPSON LQ-290	FULLMARK N618BK	5		
19.	EPSON JKF001378	EPSON ERC-27	15		
20.	KX – P1121E PANASONIC	PANASONIC KX- P145ML	3		
21.	EPSON LQ-2080	EPSON 15A	10		
22.	EPSON TM 0590-P	ERC-31B	15		
23.	BROTHERS	TN 1000	12		

SURAT AKUAN PEMBIDA

Sebut harga Majlis Daerah Bera : MDB/KEW/01/2018
Membekal dan Menghantar Bekalan Katrij, Toner dan Ribon Pencetak Untuk Majlis
Daerah Bera Bagi Tahun 2019

Saya,.....nombor K.P yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Daerah Bera** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Daerah Bera** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender /sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cap Syarikat :

- Catatan:
- i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa



MAJLIS DAERAH BERA

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

No./ Tajuk Sebut harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut harga
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN KATRIJ, TONER DAN RIBON PENCETAK UNTUK MAJLIS DAERAH BERA BAGI TAHUN 2019	020601 – Alat Tulis (Tidak Termasuk Borang dan Semua Jenis Kertas)	12.00 TENGAH HARI, 13 DISEMBER, 2018 (KHAMIS)

2. Dokumen sebut harga boleh diperolehi mulai **05 DISEMBER 2018 (RABU)** daripada Jabatan Perbendaharaan atau daripada laman web www.mdbera.gov.my dengan harga RM 10.00.
3. Tawaran sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kepada Syarat-Syarat Am dan Tambahan yang disertakan.
4. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis no rujukan sebut harga di penjurong sebelah kanan sampul surat dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Bera

" BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,

(**MOHD ALI BIN MOHD AMIN**)

Setiausaha,
b/p Yang Dipertua,
Majlis Daerah Bera.

SYARAT – SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat – syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat – syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. Keadaan Barang

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. Harga / Diskaun

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. Bekalan Sebahagian

Sebut harga bolehlah ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan butir-butir penuh yang diberi.

4. Barang Setara

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan butir-butir penuh diberi.

5. Persetujuan

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga terendah atau mana-mana sebut harga, dan
- (ii) Setiap butiran akan dipertimbangkan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

6. Pemeriksaan

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut, dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. Perakuan Menyatakan Penentuan Telah Dipatuhi

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.

8. Penolakan

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh dicetak,
- (ii) Apabila diminta penjual hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu, dan
- (iii) Fasal-fasal (i) dan (ii) di atas ini, tidaklah memudaratkan apa-apa hak kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. Pengiklanan

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. Tafsiran

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia, dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. Insurans

Tiada apa-apa insuran atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

(INGATAN : Syarat-syarat No. 1 hingga 11 di atas terpakai bagi semua tender / sebut harga)

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA

12. Cukai

Melainkan ditunjukkan berasingan, harga adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkaitan.

13. Pembungkusan

- (i) Melainkan ditunjukkan berasingan, harga adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. Pengecaman

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. Cukai

Harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. Mata wang

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

17. Punca Bekalan

Jika barang-barang tidak dibeli terus daripada pembuat, sebut harga hendaklah menyatakan nama dan alamat peniaga yang melaluinya barang-barang itu akan dibeli.

18. Pembungkusan

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk diekspot ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus,
- (ii) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penjual.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN (MESTI DIPATUHI)

1. Penyebut harga diwajibkan untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut:-
 - 1.1 Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih sah tempoh lakunya dan Akaun Bumiputera mesti disertakan bersama dengan cadangan sebut harga / Borang Sebut harga/Tender .
 - 1.2 Menawarkan bekalan katrij, toner dan ribon pencetak yang asli sahaja (penyebut harga yang menawarkan katrij, toner dan ribon pencetak tiruan tidak akan dipertimbangkan).
 - 1.3 Sijil Perakuan Pengedar Sah oleh Syarikat Canon,HP,Epson dan Samsung (jika berkaitan).
 - 1.4 Majlis Daerah Bera adalah berhak mempersetujui nilai sebut harga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barangan sebut harga.
 - 1.5 Pertimbangan sebut harga ini adalah berasaskan tawaran teknikal, tawaran harga dan keupayaan sebut harga serta lain-lain faktor yang difikirkan sesuai seperti berikut:
 - a) Majlis Daerah Bera tidak terikat untuk menawarkan kontrak kepada Penyebut Harga yang menawarkan harga terendah;
 - b) Keputusan Majlis Daerah Bera adalah muktamad;
 - c) Majlis Daerah Bera berhak memilih lebih dari satu pembekal;
 - d) Majlis juga berhak mengubah spesifikasi sebut harga jika perlu;
 - e) Majlis Daerah Bera berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran sebut harga atau sebahagiannya;
 - f) Majlis Daerah Bera tidak memerlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana sebut harga; dan
 - g) Sebarang surat menyurat mengenai keputusan sebut harga tidak akan dilayan.
 - 1.6 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 1.7 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 1.8 Majlis Daerah Bera tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan Majlis Daerah Bera tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebut Harga berhubung sebab – sebab Penyebut Harga tidak berjaya.
- 1.9 Item hendaklah dihantar kepada

**Jabatan Perbendaharaan
Majlis Daerah Bera,
28200 Bandar Bera,
Pahang Darul Makmur.**

- 2.0 Tempoh penghantaran bermula daripada tarikh penerimaan tawaran

Tandatangan dan cap : _____
Tarikh : _____
Nama dan alamat pembekal : _____

- 2.1 Penyebut harga yang tidak mendapat apa –apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.